



## MAKLUMAT KEKOSONGAN JAWATAN

Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) mempelawa anda yang berkelayakan, dinamik dan berpandangan jauh untuk mengisi kekosongan jawatan Kumpulan Pelaksana secara **KONTRAK**.

**Nama Jawatan** : JURUFOTOGRAFI GRED B19 (KONTRAK)  
**Kekosongan** : SATU (1) SAHAJA

## SYARAT-SYARAT KEWARGANEGARAAN DAN UMUR

Pemohon hendaklah terdiri daripada warganegara Malaysia dan hendaklah berumur tidak kurang daripada lapan belas (18) tahun pada tarikh iklan ditutup.

## SYARAT-SYARAT LANTIKAN

- A. i. Mempunyai bakat, kebolehan dan daya kreativiti dalam bidang fotografi dan/atau kamera filem serta berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Malaysia dengan memuaskan;  
**atau**
  - ii. Mempunyai bakat, kebolehan dan daya kreativiti serta memiliki kelayakan Sijil Pelajaran Malaysia atau atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;  
**atau**
    - iii. Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;  
**atau**
      - iv. Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;  
**dan**
- B. Kepujian dalam subjek Bahasa Melayu/Bahasa Malaysia (sekurang-kurangnya Gred C) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

### KEUTAMAAN CALON

Berkebolehan membuat grafik dan mengedit foto serta berkemampuan menjana idea dan kaedah yang kreatif dan berinovasi dalam menghasilkan *digital content* serta peka dengan perkembangan trend pemasaran digital semasa.

## GAJI MINIMUM DAN MAKSIMUM SERTA KENAIKAN GAJI TAHUNAN (KGT)

Gred Gaji	Gaji Minimum (RM)	Gaji Maksimum (RM)	Kenaikan Gaji Tahunan (RM)
B19	1,360.00	4,032.00	100.00

## PERMOHONAN

### A. Prosedur Permohonan

Pemohon hendaklah memohon melalui borang permohonan jawatan secara atas talian (eRecruitUNIMAS) yang boleh dicapai melalui pautan berikut:  
<https://erecruit.ia.unimas.my>

### B. Tempoh Permohonan

Permohonan ini dibuka mulai **3 April 2023 – 10 April 2023**

## KETERANGAN AM

### A. Makluman Ujian Tapisan Memasuki Perkhidmatan dan/atau Temuduga

Pemohon yang telah disenarai pendek akan dipanggil untuk menjalani ujian/proses tapisan yang akan ditetapkan oleh UNIMAS (jika perlu) sebelum dipanggil ke sesi temuduga.

Pemohon tidak perlu menghantar sebarang dokumen sehingga dipanggil untuk menghadiri ujian tapisan/temuduga (disenarai pendek) **tetapi** perlu memuatnaik **kesemua** sijil-sijil berkaitan mengikut keperluan eRecruitUNIMAS seperti berikut:

- 1) Kad Pengenalan;
- 2) Sijil Kelahiran;
- 3) Sijil-sijil akademik yang berkenaan beserta transkrip;
  - i. PMR/SRP/setaraf;
  - ii. SPM/setaraf;
  - iii. STPM/Setaraf;
  - iv. Diploma;
  - v. Ijazah Sarjana Muda;
  - vi. Ijazah Sarjana; dan
  - vii. PhD (Doktor Falsafah).
- 4) Sijil-sijil atau dokumen lain yang berkaitan.
- 5) Resume.

Kegagalan untuk memuatnaik sijil-sijil akademik/sijil berkaitan seperti pada para A.1) hingga A.5) di atas dianggap tidak melengkapkan permohonan. Permohonan yang **tidak lengkap** tidak akan diproses.

## **B. Makluman Lain**

Pemohon yang tidak menerima sebarang maklumbalas selepas **tiga (3) bulan** dari tarikh iklan ditutup hendaklah menganggap permohonan tersebut **tidak berjaya**.

Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan lanjut, hubungi kami di talian 082-58 1139/ 1100/ 2337 atau emel ke [hcms@unimas.my](mailto:hcms@unimas.my)

### **NOTA**

Sila isikan ruangan bakat pada **Keperluan untuk Jawatan Pentadbiran (Requirement for Administrative Post)** di borang permohonan atas talian, eRecruitUNIMAS. Keperluan ini bagi memastikan anda mempunyai bakat yang dikehendaki seperti mana pada iklan yang dikeluarkan.